

URUSAN KREDIT PENGGUNA : SEJAUH MANAKAH UNDANG-UNDANG MAMPU MELINDUNGI PENGGUNA DI ERA GLOBALISASI

Ahmad Saufi Abdul Rahman¹

Abstrak

Globalisasi membawa perubahan besar dalam kehidupan harian masyarakat di negara ini. Didalam kehidupan serba moden disertai pengaruh gaya hidup semasa yang sering berubah-ubah telah menyebabkan masyarakat di negara ini berlumba-lumba dalam meningkatkan taraf hidup masing-masing. Selain itu peningkatan kos sara hidup juga telah menyebabkan perbelanjaan keperluan sering melampaui kemampuan kewangan yang sedia ada. Malah ketidaktentuan dalam ekonomi dan pasaran kerja boleh mempengaruhi kedudukan kewangan masyarakat di dalam sebuah negara. Keadaan ini juga boleh diburukkan sekiranya berlakunya musibah akibat bencana alam atau kejadian-kejadian yang tidak diduga. Oleh itu keperluan untuk mendapatkan bantuan kewangan dilihat sangat penting dalam membantu penerusan kehidupan pada masa sekarang. Keadaan ini bukan sahaja boleh berlaku kepada golongan berpendapatan rendah tetapi turut melibatkan hampir semua golongan masyarakat di negara ini. Persoalannya apakah mekanisma terbaik bagi mendapatkan bantuan kewangan yang diperlukan. Sejauh manakah mekanisma kredit pengguna membantu dalam menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi. Adakah undang-undang yang ada mampu mengawalselia urusan-urusan kredit pengguna di negara ini. Adakah terdapat alternatif lain yang boleh membantu dalam menangani masalah pengguna di negara ini dalam mendapatkan bantuan kewangan.

Pengenalan

Kredit Pengguna merupakan salah satu cabang undang-undang komersial tetapi pada masa yang sama ia juga merupakan sebahagian daripada undang-undang pengguna. Di negara ini terdapat beberapa bentuk transaksi kredit pengguna yang ditawarkan kepada masyarakat. Ini termasuklah urusan sewabeli, urusan pinjaman wang, urusan pajak gadai, jualan secara kredit dan kaedah penggunaan kredit kad. Oleh kerana kredit pengguna mempunyai elemen komersial dan kepenggunaan, maka ia perlu mengambil kira kepentingan dua pihak iaitu kepentingan pengusaha yang menawarkan perkhidmatan dan juga kepentingan pengguna yang menggunakan perkhidmatan. Tidak dinafikan keduanya saling memerlukan akan tetapi kepentingan pengguna dilihat lebih sering terjejas dalam transaksi tersebut memandangkan pihak pengusaha mempunyai kuasa menentukan syarat-syarat perjanjian. Manakala pihak pengguna yang memerlukan perkhidmatan atau bantuan kewangan akan menerima apa-apa syarat yang diletakkan kepada mereka. Ini lebih-lebih lagi dalam suatu transaksi kredit dimana peminjam biasanya adalah pihak yang terdesak dan tindakan meminjam merupakan langkah terakhir yang boleh diambilnya. Oleh itu undang-undang perlu meletakkan batasan-batasan bagi mengawal serta menyelia transaksi kredit pengguna. Keadaan berbeza dengan konsep kebebasan berkontrak dalam undang-undang komersial yang meletakkan kebebasan kepada pihak-pihak dalam kontrak bagi menentukan syarat-syarat perjanjian. Apa yang menjadikan kredit pengguna lebih unik ialah terdapat

¹ Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Univesiti Malaya, saufi@um.edu.my

peruntukan didalam Akta Peminjam Wang 1951 dan juga Pemajak Gadai 1961 berkaitan kuasa pihak polis yang diwujudkan dalam menguatkuasakan peruntukan Akta². Keadaan tidak wujud dalam mana-mana peruntukan undang-undang pengguna atau undang-undang komersial yang lain. Kertas kerja ini akan cuba membincangkan isu-isu berkaitan urusan kredit pengguna terutamanya berkaitan urusan pinjaman wang dan urusan pajak gadai tidak berlesen. Di samping melihat dan mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan perlindungan dan penyeliaan yang mencukupi bagi melindungi pengguna dimasa hadapan.

Globalisasi dan kredit pengguna

Globalisasi membawa perubahan besar dalam kehidupan harian masyarakat di negara ini. Tidak dinafikan globalisasi boleh membawa kebaikan kepada negara tetapi ia juga boleh membawa perubahan yang agak mendadak kepada ekonomi negara. Malah ia boleh menimbulkan ketidaktentuan dalam ekonomi semasa dan juga pasaran kerja yang turut boleh mempengaruhi kedudukan kewangan masyarakat dalam sebuah negara. Misalnya jika berlaku peningkatan kos sara hidup yang boleh menyebabkan perbelanjaan keperluan akan melebihi kemampuan kewangan yang sedia ada. Kesan globalisasi bukan sahaja dilihat kepada aspek ekonomi tetapi turut melibatkan aspek sosial. Globalisasi telah sedikit sebanyak mempengaruhi gaya hidup masyarakat di negara ini, dimana masyarakat di negara ini berlumba-lumba meningkatkan taraf hidup masing-masing tanpa mengira kemampuan sebenar. Keadaan ini juga boleh diburukkan lagi sekiranya berlaku musibah yang melanda akibat bencana alam seperti banjir atau berlakunya kejadian yang tidak diduga seperti kemalangan. Oleh itu keperluan untuk mendapatkan bantuan kewangan dilihat sangat penting dalam membantu menguruskan kehidupan semasa. Disamping itu bantuan kewangan dilihat dapat menstabilkan kedudukan kewangan yang rapuh. Ini bukan sahaja terjadi kepada golongan berpendapatan rendah tetapi turut melibatkan hampir semua golongan masyarakat di negara ini memandangkan keperluan meminjam telah menjadi kelaziman terutamanya bagi mendapat sesuatu barangan yang tidak mampu dibayar secara tunai. Tetapi apakah di era globalisasi ini negara kita sudah mempunyai mekanisma kredit pengguna yang mantap dan mampu membantu masyarakat dikala angin globalisasi sedang bertiup kencang.

Kepentingan kredit pengguna kepada masyarakat

Pada masa sekarang urusan kredit kepada pengguna menjadi isu penting dalam masyarakat di negara ini. Pada masa sekarang kita sering mendengar isu-isu mengenai pemerasan dan ugutan oleh peminjam tidak berlesen yang dikenali sebagai Along. Begitu juga dengan laporan berkaitan kejadian membunuh diri atau pembunuhan keluarga yang dikaitkan dengan tekanan hutang dan ugutan pemberi pinjaman tidak berlesen. Tidak kurang juga isu berkaitan kebangkrutan yang berpunca daripada masalah daripada kegagalan pengurusan kewangan individu seperti kegagalan melunaskan pinjaman dan sebagainya. Masalah kewangan yang mendesak dilihat boleh membawa kepada meningkatnya kadar

² Sebagai contoh seksyen 34B Akta Pajak Gadai (Pindaan) 2003 dan seksyen 10A Akta Peminjam Wang (Pindaan) 2003

jenayah seperti curi, ragut, rompak dan sebagainya. Malah masalah kewangan juga boleh menyumbang kepada keruntuhan institusi keluarga dimana ia boleh membawa kepada masalah perceraian. Keadaan ini menunjukkan betapa pentingnya peranan kredit pengguna dalam masyarakat. Oleh itu isu berkaitan kredit pengguna perlu dipandang serius oleh pihak berkuasa kerana ia boleh membawa kesan mendalam kepada masyarakat di negara ini.

Oleh itu undang-undang yang ada perlu mengawalselia dan melindungi pengguna dalam urusan-urusan kredit pengguna terutamanya dari pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan atas kesusahan pihak lain. Inilah yang menjadi persoalan yang perlu difikirkan memandangkan pada masa sekarang walaupun kita mempunyai peruntukan perundangan yang merangkumi beberapa peruntukan Akta bagi mengawalselia kredit pengguna seperti Akta Sewabeli 1967(Akta 212), Akta Pinjaman Wang 1951 (Akta 400) dan Akta Pajak Gadai 1972 (Akta 81), malangnya isu-isu berkaitan kredit pengguna masih tidak selesai hingga kini. Contohnya pada masa sekarang masih terdapat banyak pihak yang tidak berdaftar menawarkan perkhidmatan pinjaman wang secara haram. Pada masa yang sama perkhidmatan yang ditawarkan oleh mereka yang tidak berdaftar atau berlesen masih mendapat sambutan daripada masyarakat walaupun reputasi negatif mereka yang menjalankan kegiatan ini telah diketahui ramai. Persoalannya kenapa orang ramai sanggup meminjam dari pengusaha haram yang tidak berdaftar berbanding dengan pengusaha yang berdaftar mengikut undang-undang? Adakah keadaan ini berpunca daripada syarat-syarat yang dikenakan oleh pengusaha berdaftar terlalu ketat seperti keperluan penjamin atau pinjaman hanya diluluskan kepada mereka yang mempunyai pekerjaan tetap sahaja sebagai contoh kakitangan kerajaan. Atau adakah pengusaha haram lebih efektif dalam menawarkan pinjaman mudah dan cepat menyebabkan peminjam mudah meminjam daripada mereka.

Kemudahan dan kemampuan untuk meminjam

Kemudahan untuk meminjam adalah penting bagi memastikan mereka yang perlu membuat pinjaman boleh berbuat demikian dalam masa yang munasabah. Mungkin ada diantara pinjaman yang dilakukan tidak dalam jumlah yang besar tetapi pinjaman itu amat bernilai sekiranya ia dapat dibuat dalam masa yang diperlukan. Oleh perlu ada beberapa mekanisma bagi meminjam wang yang sah disisi undang-undang bagi membolehkan orang ramai memilih mekanisma yang sesuai dengan keperluan mereka. Pada amnya pinjaman yang dilakukan melalui urusan pajak gadai merupakan kaedah paling mudah dan cepat bagi mendapatkan wang. Tetapi pinjaman wang melalui pajak gadai mempunyai kelemahan seperti keperluan peminjam mempunyai sandaran seperti barangan kemas atau berharga. Selain itu kelemahan pinjaman melalui pajak gadai ialah kadar faedah yang dikenakan adalah tinggi iaitu tidak melebihi 2% sebulan atau tidak melebihi 24% setahun. Selain itu kelemahan kaedah pinjaman melalui pemajak gadai ialah had pinjaman ialah tidak melebihi RM10,000 sahaja. In bermakna walaupun nilai sandaran melebihi RM10,000 tetapi jumlah pinjaman tetap tidak boleh melebihi had yang ditetapkan.

Manakala pinjaman wang melalui peminjam wang berlesen pula boleh dibuat dengan atau tanpa sandaran tetapi syarat pinjaman biasanya lebih ketat seperti

keperluan latarbelakang pekerjaan yang stabil atau penjamin diperlukan. Ini adalah kerana pemberi pinjaman melihat kepada kemampuan peminjam membayar pinjaman. Kadar faedah bagi peminjaman berlesen ialah 12% bagi pinjaman dengan sandaran dan 18% bagi pinjaman tanpa sandaran. Walaubagaimana seseorang hanya boleh mendapatkan pinjaman mudah dan cepat sekiranya memenuhi syarat pemberi pinjaman. Biasanya mereka yang meminjam daripada pemberi pinjaman tidak berlesen ialah mereka yang tidak mampu memenuhi syarat-syarat pinjaman dari pemberi pinjaman yang sah. Tiada had jumlah pinjaman yang boleh dibuat bagi pinjaman wang melalui peminjam wang berlesen.

Di negara ini kaedah kredit pengguna yang popular ialah sewabeli. Ini memandangkan sewabeli adalah satu transaksi pilihan terutama dalam mendapatkan barangan yang yang tidak mampu dibeli secara tunai seperti kenderaan bermotor atau barangan pengguna. Walau transaksi ini jarang sekali melibatkan pengusaha haram tetapi kawalan dan penguatkuasaan undang-undang masih perlu bagi melindungi penyewa terutamanya pengguna. Pada masa sekarang syarat-syarat pinjaman melalui kaedah sewabeli telah diperketatkan dan mereka yang mempunyai rekod lampau atau tidak mempunyai asas untuk membuat pinjaman tidak lagi dibenarkan membuat pinjaman melalui kaedah sewabeli. Ini dilihat oleh setengah pihak merupakan kaedah terbaik bagi kedua-dua pihak iaitu bagi pihak pengusaha sewabeli mereka dapat mengurangkan risiko berdepan dengan masalah penyewa gagal menjelaskan bayaran ansuran sewabeli. Manakala bagi pengguna mereka tidak akan dibebankan dengan masalah untuk membayar ansuran bulanan. Akan tetapi sekiranya syarat yang diletakkan terlalu ketat maka pihak pengusaha akan kehilangan pelanggan mereka dan pada masa yang sama akan menyukarkan pengguna yang sememangnya memerlukan barangan seperti kenderaan bermotor sebagai pengangkutan terutamanya bagi ke tempat kerja. Ini sudah pasti boleh menyebabkan kemampuan untuk mendapat sumber pendapatan akan terjejas. Salah satu kebaikan kaedah sewabeli ialah kadar faedah yang dikenakan agak rendah berbanding dengan kaedah pinjaman wang yang lain walaupun jumlah pinjaman yang dilakukan agak besar contohnya sekiranya melibatkan kenderaan bermotor. Kadar faedah yang dikenakan pada amnya tidak melebihi 10%. Pada masa sekarang diperkenalkan kaedah pembayaran mengikut caj terma boleh ubah yang berdasarkan kadar asas pinjaman (based lending rate). Kaedah yang baru diperkenalkan melalui Akta Sewabeli (Pindaan) 2004 (Akta 1234). Selain itu kelebihan pinjaman melalui kaedah sewabeli ia tidak mempunyai had pinjaman asalkan barang yang disewa berada dalam skop Jadual Pertama Akta Sewabeli 1967.

Selain itu kaedah penggunaan kad kredit juga menjadi semakin popular sejak akhir-akhir ini. Malah penggunaan kad kredit pada masa akan datang dijangka akan meningkat sejajar dengan perkembangan semasa. Malangnya penggunaan kad yang melebihi kemampuan boleh menyebabkan pemilik kad menghadapi masalah kewangan malah boleh menghadapi tindakan undang-undang. Oleh itu kawalan kepada pemberian kad kredit terutama kepada golongan muda seperti graduan perlu dilaksanakan. Langkah terbaik ialah dengan pemberian kad kredit yang mempunyai kredit yang rendah sebelum jumlah had kredit dipertingkatkan mengikut kemampuan dan juga rekod pembayaran pemilik kad. Dengan ini

kaedah pendidikan kepada pengguna dapat dilaksanakan disamping dapat mengelakkan pemilik kad menghadapi masalah kewangan. Kelemahan kaedah kredit melalui penggunaan kredit kad ialah tidak semua orang mampu memiliki kad kredit. Kadar faedah penggunaan kad kredit ialah 1.5% sebulan atau 18% sebulan³.

Pada masa sekarang terdapat usaha memperkenalkan kaedah kredit pengguna Islam seperti kaedah sewabeli Islam dan juga kaedah pajak gadai Islam yang dikenali sebagai Ar Rahn. Dengan pengenalan kaedah kredit pengguna Islam diharap dapat memberikan alternatif kepada orang ramai dalam mendapatkan bantuan kewangan.

Pengetahuan dan kesedaran pengguna

Salah satu aspek penting dalam yang perlu diambil perhatian ialah mengenai tahap pengetahuan dan kesedaran pengguna. Seorang pengguna perlu mengetahui hak beliau semasa memasuki kontrak. Ini termasuklah kontrak kredit pengguna. Walaubagaimana pun bukan semua individu memahami hak dan tanggungjawab beliau semasa memasuki kontrak. Terdapat individu yang memasuki kontrak tanpa membuat pertimbangan yang wajar atau tanpa maklumat yang mencukupi. Sekiranya maklumat yang diperolehi tidak mencukupi maka keputusan yang dibuat juga akan menjadi tidak tepat. Sebagai satu contoh berapa ramaikah diantara kita yang membaca dan memahami isi kandungan perjanjian sewabeli yang dimasuki? Kebanyakan daripada penyewa berpendapat isi kandungan perjanjian sewabeli adalah satu yang seragam diantara satu syarikat kewangan dengan syarikat kewangan yang lain, walaupun ayat yang digunakan diantara pengusaha sewabeli didalam perjanjian mereka adalah berlainan. Tetapi tahukah kita perbezaan ayat boleh membawa maksud yang berlainan. Oleh itu penyewa biasanya menaruh kepercayaan kepada syarikat kewangan dalam soal syarat-syarat perjanjian sewabeli. Selain itu ada pengguna berpendapat perjanjian sedemikian bukan sesuatu yang boleh dirundingkan lagi kecuali bagi tujuan menentukan kadar faedah⁴. Selain itu kebanyakan daripada kita tidak pernah mengkaji samada pengiraan yang dibuat oleh syarikat kewangan adalah tepat atau tidak. Ini berlaku bukan sahaja dalam perjanjian sewabeli tetapi juga berlaku dalam perjanjian melibat peminjaman wang dan pemajak gadai.

Selain mengetahui hak-hak dalam satu perjanjian kredit, pengguna juga perlu mengetahui tanggungjawab yang mereka pikul apabila memasuki sesuatu perjanjian. Ini termasuklah tanggungjawab membayar ansuran atau pinjaman yang dibuat. Ini adalah satu aspek yang paling sukar dalam kredit pengguna dimana pinjaman atau transaksi dimasuki tanpa mengambil kira kemampuan membayar atau memenuhi kehendak perjanjian. Pengguna harus sedar kredit pengguna bukan jalan penyelesaian masalah kewangan. Pinjaman melalui kredit pengguna hanya satu bentuk perkhimatan sementara yang dikendalikan oleh pengusaha yang menjalankan perniagaan bagi mendapatkan keuntungan. Oleh

³ Berdasarkan Direct Access CIMB - penyata akaun kad

⁴ Ini hanya boleh dilakukan bagi barangan seperti kenderaan terpakai yang kadar faedah ditentukan melalui risiko yang bakal ditanggung oleh pemunya.

itu akan wujud penambahan kos dari sudut faedah yang dikenakan atas pinjaman yang dibuat. Dengan itu pinjaman yang dibuat tidak harus dianggap sebagai satu langkah penyelesaian masalah kerana ia boleh menambah masalah atau merumitkan keadaan sekiranya tidak diuruskan dengan betul. Pengguna harus sedar meminjam wang terutama daripada peminjam wang atau pemajak gadai berlesen adalah jalan terakhir yang perlu dipilih. Mereka juga perlu sedar bahawa meminjam wang dari peminjam wang dan pemajak gadai yang tidak berlesen dan berdaftar bukanlah jalan penyelesaian masalah.

Langkah-langkah pencegahan dan penguatkuasaan

Berbeza dengan peruntukan Akta Sewabeli 1967 yang berada dibawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, peruntukan Akta Peminjam Wang 1951 dan Akta Pemajak Gadai 1972 berada dibawah kuatkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Oleh kerana wujud banyak aduan berkaitan peminjam wang dan juga pemajak gadai yang tidak berlesen maka pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membuat beberapa pindaan terhadap peruntukan undang-undang yang mengawalselia aktiviti peminjaman wang dan pemajak gadai. Peruntukan Akta Pajak Gadai 1972 (Akta 81) telah dipinda melalui Akta Pajak Gadai (Pindaan) 2003 (Akta A1209)⁵. Pada masa yang hampir sama peruntukan Akta Peminjam Wang 1951 (Akta 400) juga telah dipinda melalui Akta Peminjam Wang (Pindaan) 2003 (Akta 1193)⁶. Pindaan kedua-dua Akta ini dibuat bagi memperkenalkan beberapa peruntukan baru terutamanya berkaitan penyiasatan, pengeledahan dan penangkapan⁷. Kedua-dua Akta turut menekan aspek perlesenan dan penguatkuasaan. Akan tetapi sejauh manakah keberkesanan kawalan undang-undang masih menjadi persoalan memandangkan pada masa sekarang isu pemberi pinjaman tanpa lesen atau Along masih berleluasa di negara ini. Mereka ini bukan sahaja mengenakan kadar faedah yang melampau tetapi turut memeras dan mengugut para peminjam. Dibawah peruntukan baru seksyen 29B (1) Akta 400 mana-mana peminjam wang yang mengganggu peminjam boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 1,000 atau penjara tidak melebihi 15 bulan atau kedua-duanya sekali.

Sememangnya diketahui kegiatan pengusaha pinjaman haram yang berleluasa di hampir setiap bandar atau daerah di negara ini. Perniagaan haram ini tumbuh bagai cendawan memandangkan ia adalah perniagaan yang sangat menguntungkan. Ini kerana kegiatan mereka mendapat sambutan terutama daripada pihak yang tidak dapat membuat pinjaman daripada pihak pemberi pinjaman berlesen atau syarikat kewangan. Walaupun diketahui kadar faedah yang dikenakan oleh along adalah sangat tinggi dan tidak munasabah mereka dilihat sebagai jalan terakhir mendapat bantuan kewangan lebih-lebih lagi bagi peniaga kecil. Malah kaedah pengiraan faedah dikenakan juga tidak dinyatakan dengan jelas dan boleh mengelirukan. Biasanya pinjaman melalui pengusaha haram atau along dibuat secara tidak formal walaupun ada butiran maklumat peminjam diambil seperti salinan kad pengenalan dan sebagainya. Pinjaman

⁵ Berkuatkuasa pada 1 Januari 2004

⁶ Berkuatkuasa pada 1 November 2004

⁷ rujuk seksyen 10A hingga 10K Akta 400 dan

tidak berlesen ini sememangnya tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan. Oleh itu tiada sebab ia perlu dibuat secara formal. Keadaan ini menyukarkan pihak berkuasa menggunakan perjanjian yang dibuat sebagai bukti di mahkamah bagi mendakwa mereka yang menjadi pemberi pinjaman haram. Menurut seksyen 10P Akta 400 perjanjian pinjaman wang harus dimasuki mengikut borang yang dinyatakan. Mereka yang melanggar peruntukan ini boleh dikenakan denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih daripada RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya dan dalam kesalahan yang kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman sebat sebagai tambahan hukuman. Selain itu perjanjian pinjaman wang yang tidak mematuhi peruntukan ini juga akan menjadi batal dan tidak boleh dikuatkuasakan.

Pada masa sekarang kita dapat melihat dengan mudah iklan berkaitan pinjaman wang di kaki lima, di tiang-tiang lampu jalan atau pondok-pondok telefon. Malah iklan-iklan pinjaman juga boleh dilihat majalah-majalah dan juga akhbar-akhbar. Persoalannya adakah kesemua iklan-iklan ini sah atau dibenarkan oleh undang-undang? Sekiranya ia dibenarkan mengapakah tiada langkah kawalan dilakukan terhadap iklan-iklan sedemikian. Iklan-iklan dilihat bukan sahaja mencacatkan pandangan mata tetapi memberikan kesan psikologi pada orang ramai terutama mereka yang kesempitan wang. Oleh itu pemantauan perlu dilakukan terhadap iklan-iklan pinjaman yang berleluasa. Akta Pinjaman dan Pemajak Gadai ada mengariskan peraturan berkaitan iklan-iklan yang boleh digunakan⁸. Kaedah pemantauan dan penyeliaan terhadap aktiviti pengiklanan perlu dijalankan dengan lebih berkesan. Pengiklanan adalah satu aspek penting dalam bidang komersial. Malah satu cara bagi memerangi peminjam tidak berlesen ialah dengan membenarkan kaedah pengiklan yang lebih baik dan sesuai diberikan kepada pengusaha berlesen. Ini kerana jika pengusaha berlesen tidak dapat melakukan pengiklanan secara lebih berkesan dan terikat dengan peraturan yang sedia ada maka pengguna akan terdedah kepada tawaran-tawaran pinjaman oleh pengusaha yang tidak berlesen yang tidak terikat dengan apa-apa syarat pengiklanan. Iklan yang dikeluarkan oleh pengusaha berlesen perlu memenuhi syarat yang ditetapkan, memberikan maklumat yang tepat dan tidak mengelirukan malah iklan yang digunakan tidak harus bersifat mengalakkan orang ramai membuat pinjaman yang tidak perlu. Sebagai contoh melalui pindaan kepada Akta Pajak Gadai 1972 dinyatakan tiada sebarang pengiklanan boleh dilakukan kecuali mendapat permit daripada Pendaftar⁹. Mereka yang melanggar peruntukan ini boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali. Begitu juga dengan peruntukan dengan peruntukan seksyen 11 Akta Peminjam Wang 1951 dimana melalui pindaan 2003 menyatakan peminjam wang perlu memohon permit pengiklanan dari Pendaftar. Walaubagaimana pun dibawah peruntukan seksyen 11A Akta Peminjam Wang, denda yang boleh dikenakan adalah tidak melebihi RM10,000.

Tindakan proaktif oleh pihak berwajib dilihat boleh mengurangkan pengusaha tidak berlesen. Misalnya melalui iklan yang ditawarkan ia biasanya disertakan nombor telefon bimbit yang boleh dihubungi. Disini fungsi agen provocator

⁸ Rujuk seksyen 1B Akta Pemajak Gadai dan seksyen 11A Akta Peminjam Wang Pindaan

⁹ Seksyen 13B Akta Pemajak Gadai A1209

adalah penting bagi mendapatkan maklumat dan kemudiannya menahan mereka yang terlibat dengan kegiatan haram tersebut. Maklumat yang diperolehi oleh agen provocatur boleh digunakan bagi mendakwa mereka yang terbabit dengan kegiatan tersebut. Tetapi sejauh manakah kaedah ini berkesan memandangkan mereka yang menjalankan kegiatan pemberi pinjaman tidak berlesen biasanya tidak akan menjalankan perniagaan secara berdepan dengan pelanggan mereka. Mereka ini akan menggunakan khimat orang tengah atau mengaji pekerja-pekerja bagi menjalankan kegiatan tersebut. Modus operandi peminjam wang haram ini boleh disamakan dengan modus operandi peniaga vcd haram. Oleh itu biasanya hanya orang bawahan sahaja yang berjaya ditangkap atau didakwa. Kesukaran mendakwa mereka yang terlibat juga boleh dilihat dalam keadaan ada diantara pengusaha pinjaman tidak berlesen yang ditahan dibawah Ordinan Darurat kerana disyaki terlibat bukan sahaja dengan kegiatan along, tetapi pengedaran dadah dan lain-lain kegiatan jenayah. Keadaan ini juga menunjukkan kegiatan pengusaha pinjaman tidak berlesen atau along bukan sekadar masalah berkaitan kredit pengguna tetapi turut melibat kegiatan jenayah yang lain serta boleh mengancam keselamatan negara. Oleh itu tindakan segera dan menyeluruh perlu dilakukan bagi membasmi aktiviti ini dari terus berakar umbi di negara ini.

Kesimpulan

Kita semua perlu menghargai peranan yang dimainkan oleh industri kredit pengguna kepada masyarakat. Sememangnya pihak berkuasa di negara ini berusaha meningkatkan penyeliaan dan penguatkuasaan undang-undang bagi melindungi pengguna dan orang ramai daripada kegiatan pemberi pinjaman tidak berlesen tetapi banyak lagi perkara perlu dilakukan. Malah usaha berterusan perlu dijalankan bagi memastikan kegiatan pengusaha yang tidak berlesen dapat dibendung. Pindaan kepada Akta Sewabeli 1967, Peminjam Wang 1951 dan Pajak Gadai 1972 amat dialukan tetapi kesemua pindaan yang dilakukan tidak akan berkesan sekiranya tiada langkah penguatkuasaan yang berkesan dijalankan. Undang-undang tidak dapat dikuatkuasakan sekiranya tiada sokongan dan kerjasama daripada orang ramai.

Rujukan

Ahmad Saufi Abdul Rahman (December 5-7 2006): Development of Consumer Credit Laws in Malaysia. Proceedings of International Conference on Business, Law and Technology, Copenhagen Denmark.

Husin b Rani & Abdul Karim Baba, (30 Mei 2004). Kertas kerja mengenai aktiviti perlesenan dan penguatkuasaan Akta Pemegang Pajak Gadai (Pindaan 2003). Seminar Pemegang Pajak Gadai 1972: Keberkesanannya pada masa sekarang. Persatuan Pengguna Perak. Ipoh, Perak.

Ahmad Saufi Abdul Rahman, Urusan Pajak Gadai: Sejauh manakah keberkesanan kawalan undang-undang. Persidangan Kebangsaan Undang-Undang 2004. Undang-Undang, Etika dan Akhlak dalam organisasi: Persepsi dan Amalan. Universiti Utara Malaysia.